

**KESEDARAN MENINGKATKAN PENDAPATAN KELUARGA MELALUI
KEBOLEHAN KEUSAHAWANAN:**

SATU KAJIAN KES DI SEPANG, SELANGOR

OLEH

MOHD. MISUARI ABDULLAH & MARLIN MARISSA MALEK ABDUL MALEK

(Artikel 2)

Banyak kajian telah dilakukan mengenai keusahawanan di Malaysia. Namun tidak banyak kajian dilakukan mengenai keusahawanan kalangan Orang Asli. Kajian kes ini meneroka dalam kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes pengalaman enam orang responden daripada bekerja makan gaji, berubah sikap kepada bekerja sendiri dengan menceburkan diri sebagai usahawan. Kajian kes ini dilakukan di Kampung Orang Asli Bukit Bangkong, Sungai Pelek, Sepang, Selangor. Penyelidik telah mengumpulkan data dengan menggunakan kaedah temu ramah mendalam. Hasil kajian mendapati keenam-enam responden menceburkan diri menjadi usahawan kerana ingin meningkatkan pendapatan keluarga dan sanggup menanggung risiko meninggalkan pekerjaan mereka sebelum ini. Pengaruh persekitaran dan sokongan keluarga turut menjadi pendorong kesemua responden untuk menjadi usahawan. Kebolehan keusahawanan ini terbukti apabila mereka mempunyai kesedaran untuk menabung dan menggunakan pengalaman sendiri untuk menguruskan perniagaan mereka.